

## Integrasi Etnik dalam Ideologi Pendidikan

**Nor Shela Saleh<sup>1\*</sup>, Norizan Rameli<sup>1</sup>, Muhyamin Hakim Abdullah<sup>1</sup>, Riki Rahman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Centre for General Studies and Co-curricular,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author:

DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2019.11.02.006>

Received 20 August 2019; Accepted 25 November 2019; Available online 31 December 2019

**Abstract:** Developments in the Malaysian education system have begun since colonial times to currently. Many change and paradigm shifts are seen especially in the context of content, context, teaching and learning in Malaysia. However, in the context of ethnic relations there are several challenges, directions and issues that occur due to tensions, misunderstandings and constraints that are inevitable. In addition, the government is constantly concerned and takes this seriously by establishing various plans and policy measures to develop the country's education system. The established educational policy is in line with the desire to develop a generation of intellectuals in the concept of holistic unity and holistic culture. This is because ethnic relations are not an obstacle to the idea of educational development, but it is a platform to empower the nation's education policy in the context of national unity, political stability and national development. History and chronology of the development of the national education system need to be deeply identified to foster the state's awareness and enthusiasm. Indirectly, the stigma and assumptions that become ethnic issues can be constrained and developed with a positive philosophy. The establishment of a separated practice to integration is one of the practical forms of ethical unity through good quality interaction and communication. Indirectly, it will form a group of socially educated people.

**Keywords:** Malaysian Education, Ethnic Relation, National Development, National Unity, Educated People

**Abstrak:** Perkembangan dalam sistem pendidikan di Malaysia bermula sejak zaman penjajahan sehingga kini. Banyak perubahan dan anjakan paradigma yang dilihat khususnya dari aspek kandungan, konteks, bentuk pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan di Malaysia. Namun, dalam konteks hubungan antara etnik banyak cabaran, haluan dan isu yang berlaku akibat ketegangan, kesalahfahaman dan kekangan yang tidak dapat dielakkan. Walaubagaimanapun, kerajaan sentiasa prihatin dan memandang serius hal ini dengan mewujudkan pelbagai pelan dan dasar tindakan untuk membangunkan sistem pendidikan dalam negara. Dasar pendidikan yang dibentuk adalah selari dengan hasrat untuk membangunkan generasi berintelek dalam konsep perpaduan dan holistik budaya. Ini kerana, hubungan etnik bukan halangan yang membantutkan gagasan pembangunan pendidikan, sebaliknya ia adalah platform untuk memperkasakan dasar pendidikan negara dalam konteks kesatuan nasional, kestabilan politik dan pembangunan negara. Sejarah dan kronologi pembangunan sistem pendidikan negara perlu dikenalpasti secara mendalam untuk memupuk kesedaran dan semangat cintakan negara. Secara tidak langsung, stigma dan andaian yang menjadi isu antara etnik dapat dikekang dan dibangunkan dengan falsafah positif. Pembentukan amalan segresi kepada integrasi adalah salah satu bentuk amalan penyatuan etnik secara praktikal melalui interaksi dan komunikasi yang baik. Secara tidak langsung, ia akan membentuk kelompok masyarakat berpendidikan yang muafakat.

**Kata Kunci:** Pendidikan Malaysia, Hubungan Etnik, Pembangunan Nasional, Golongan Berpendidikan

## 1. Pengenalan

Pembangunan negara merupakan tunjang dan cabang kepada kemakmuran dan kemajuan sesebuah lokasi dan kawasan. Namun, cabaran dalam memanusiakan manusia dalam konteks pembangunan adalah sukar dilaksanakan. Pandangan negatif dan persepsi yang tidak bermoral merupakan antara kelemahan dalam pembangunan sesebuah negara. Banyak ahli pemikir yang terlalu memikirkan isu sensitif termasuklah isu perkauman dan etnik (Mohd Ridzuan, 2010). Hubungan antara bangsa dalam negara boleh menjadi pincang akibat desas-desus yang banyak dipaparkan di media khususnya media massa dan media sosial. Oleh itu, kita seharusnya menerapkan konsep “Melentur buluh biarlah dari rebungnya” dalam memastikan pendidikan di Malaysia berteraskan kepada konsep kesepadan dan perpaduan antara etnik.

Banyak pandangan yang diketengahkan oleh pengkaji lepas semasa ideologi pendidikan dijelaskan. Antara pandangan yang diketengahkan adalah isu pendidikan dalam negara. Pendidikan bukanlah isu yang lapuk, namun ia adalah isu utama yang membentuk dan membangunkan ketamadunan dan kehebatan sesebuah negara (Malaysia Today, 2005; Abdullah, 2010). Sebagai contoh, kewujudan ahli pemikir dan para cendekiawan adalah tertakluk kepada sumbangan modal insan yang berpendidikan tinggi. Ini dibuktikan dalam pembangunan negara jiran iaitu Singapura yang hanya mempunyai lokasi dan faktor geografi kecil, namun kehebatan modal insan yang disediakan mampu menjana sumber pendapatan, pertumbuhan ekonomi dan kekuatan negara melalui manusia dan tenaga insan (Malaysia Today, 2005).

Justeru, dalam membina sistem pendidikan yang merentas pelbagai etnik, Malaysia perlu menerapkan nilai integrasi antara kaum supaya segala bentuk pemisahan dapat disatukan (Nusi, 2012). Slogan cinta akan negara perlulah dibentuk dalam konteks pendidikan agar semua identiti etnik dinaungkan di bawah satu konsep pemikiran profesionalisme dan nasionalisme sejagat. Pemisahan etnik yang diwujudkan sejak zaman kolonial haruslah disekat dan dihentikan agar jurang perkauman di Malaysia dapat dirapatkan dan diintegrasikan ke dalam konteks sehati dan sejiwa (Abdullah, 2010). Fenomena mementingkan diri khususnya dalam konteks perkauman, sejarah, sosial, ekonomi dan politik merupakan wujudnya pemisahan antara etnik walaupun berada dalam kelompok pendidikan yang sama (Nusi, 2012; Abdullah, 2010).

Oleh itu, penerokaan dalam bidang pendidikan di Malaysia telah mengalami fasa dan kronologi yang panjang. Perkaitan bidang pendidikan di Malaysia banyak menerima implikasi dari pembentukan sosiobudaya dan dasar campur tangan yang diperkenalkan oleh British. Realiti kehidupan dalam skop pendidikan telah diwarnai oleh penjajah dan paling ketara adalah pembentukan sekolah vernakular di negara ini. Bahkan, kronologi dan fasa perubahan pendidikan sebenarnya telah bermula sejak kurun yang lampau iaitu sejak pembentukan tamadun awal di Nusantara. Bahkan, sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi, sistem pendidikan telah dimulai dengan pendidikan oleh para ulamak khususnya dalam membawa ajaran agama dan Islam. Perkembangan demi perkembangan telah dibawa dan doktrin pemikiran ahli falsafah pendidikan banyak mengalami transformasi dan inovasi sejarah dengan era dan zaman yang wajar. Namun, sejarah lampau masih perlu dikaji dan dikenalpasti bagi memastikan asal usul dan fasa peralihan pendidikan negara diketahui khususnya generasi yang banyak berinteraksi dengan pelbagai etnik dan latar belakang sosiobudaya di Malaysia.

## 2. Sejarah Pendidikan dalam Konsep Hubungan Etnik

Abdullah (2010) menjelaskan bahawa kekalahan pihak Jepun pada tahun 1945 menunjukkan negara mengalami perubahan yang ketara khususnya dalam konteks pentadbiran dan sistem politik. Kekalahan Jepun bukanlah satu pengakhiran dalam penjajahan tetapi ia telah membuka ruang dan peluang kepada pihak British. Bahkan, campur tangan British selepas kekalahan Jepun jelas menampakkan sikap agresif mereka termasuklah hasrat untuk menubuhkan Malayan Union. Isu perkauman sengaja dibangkitkan dengan memperkenalkan sistem Jus Soli yang mana ia telah ditentang hebat oleh Orang Melayu kerana hak dan keistimewaan mereka cuba digugat. Ini jelas membuktikan kronologi dan rentetan perkauman dan komunalisme yang wujud adalah dimulakan oleh pihak penjajah. Namun, rentetan idea yang dicetuskan itu telah mengekalkan isu perkauman ke dalam negara secara konsep segresi. Harris (1990) menjelaskan bahawa konsep campur tangan penjajah dalam bidang pendidikan banyak mengamalkan konsep pemisahan antara etnik. Sekolah-sekolah dibina dalam kawasan yang berbeza berdasarkan etnik. Misalnya, sekolah dibina di kawasan ladang untuk etnik India, sekolah di kampung untuk etnik Melayu dan sekolah bandar untuk etnik Cina.

Sekolah Melayu banyak dibina dalam konsep sekolah pondok atau sekolah tidak formal. Sekolah orang Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Walaupun sekolah Melayu dilihat khusus untuk komuniti Melayu, namun penyedian pembelajaran ke peringkat tinggi dalam kalangan anak Melayu yang berjaya mula diperkenalkan (Nusi, 2012). Misalnya, anak Melayu yang berjaya dalam persekolahan akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris untuk menyandang jawatan guru selepas menamatkan pengajian. Pembinaan sekolah Cina pula banyak menekankan kepada aspek pendidikan Cina Klasik. Sekolah pendidikan Cina masih menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar termasuklah sukatan pelajaran, guru dan buku rujukan teks (Mohd Salleh, 2004).

Menurut Abdullah (2010), sekolah etnik India pula bermula dengan konsep sekolah Tamil. Permulaan sekolah Tamil tercetus apabila pihak British telah memaksa pengurus ladang untuk membina sekolah untuk anak-anak buruh

yang berusia sekitar 7 hingga 14 tahun. Walaupun sekolah tersebut dikawal oleh kerajaan British, namun mutu pelajarannya adalah rendah kerana British tidak menyediakan guru-guru terlatih. Bagi pendidikan di Negeri Sabah dan Sarawak pula menunjukkan perbezaan dengan sistem pendidikan di semenanjung. Sekolah di Negeri Sabah banyak menerima pembentukan daripada pihak gereja. Manakala, sistem persekolahan di Sawarak banyak dikelolakan oleh mubaligh dan pertubuhan masyarakat cina (Mohd Salleh, 2004).

Namun selepas kemerdekaan, sistem pendidikan telah menunjukkan perubahan paradigma. Antara bentuk pendekatan penambahbaikan pendidikan adalah melalui Laporan Rahman Talib yang mengandungi beberapa perkara dan aspek. Laporan Rahman Talib menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam semua urusan persekolahan. Penggunaan satu bahasa ini sekaligus akan merapatkan jurang interaksi antara bangsa dan etnik. Ini kerana, semua etnik boleh berkomunikasi sesama mereka dalam rumpun bahasa yang sama. Sehingga hari ini, Bahasa Kebangsaan masih kekal diangkat martabatnya. Bahkan, bagi memantapkan generasi muda agar seiring dengan pendidikan global, pendekatan bahasa Inggeris juga dimajukan dengan membangunkan generasi yang bertaraf antarabangsa dan global (Abdullah, 2010; Nusi, 2012).

### **3. Kronologi Pembentukan Etnik dalam Pendidikan Nasional**

Jadual 1 merupakan ringkasan dalam perpaduan pendidikan nasional. Perpaduan pendidikan nasional ini telah bermula pada tahun 1950 dengan wujudnya Penyata Barnes dan kemudian disusuli oleh Laporan Fenn-Wu 1951. Sistem pendidikan terus berkembang dengan adanya Penyata Razak (1956) dan kesinambungan perkembangan dan evolusi pendidikan telah dilaksanakan melalui Laporan Rahman Talib (1960). Kempat-empat perkara ini merupakan langkah dan tindakan yang menunjukkan sistem pendidikan di negara dilakukan dengan terancang dan sistematik. Pembaharuan dan penyelidikan sentiasa dilakukan dalam meneliti keberkesanan dan menilai setiap inci dasar pendidikan yang dijalankan.

Negara sentiasa memastikan konsep bersatu padu dalam kalangan pelbagai etnik dipelihara dan dijaga secara rapi. Kekusutan pelbagai etnik bukan sahaja melemahkan hubungan bahkan boleh merosakkan pentadbiran dan kolaborasi politik dalam sesebuah negara. Malah, lebih membimbangkan jika ia turut melibatkan generasi pelapis di peringkat sekolah. Dasar yang dibangunkan oleh kerajaan dan negara adalah antara bentuk pemulihan dan pemeliharaan hubungan entrik dalam konteks pendidikan. Integrasi pendidikan yang wujud sebab zaman Malayan Union adalah langkah pertama yang melihat usaha rakyat ke arah kesatuan dan keharmonian dalam setiap lapisan etnik di Malaysia. Misalnya, Penyata Barnes tahun 1950 adalah langkah yang dilakukan untuk menyatupadukan sistem pendidikan dalam negara.

Barnes yang merupakan ahli cendekiawan dari Universiti Oxford telah membuat usulan agar pendidikan di Tanah Melayu menggunakan sistem pendidikan yang menuju ke arah perpaduan kebangsaan seawal pendidikan sekolah rendah sehingga peringkat menengah. Langkah ini dinilai dengan teliti kerana ia menjadi hipotesis Barnes yang mengandaikan bahawa langkah tersebut adalah titik permulaan dalam membentuk kesatuan dalam hubungan etnik. Antara cadangan yang dikemukakan oleh Barnes adalah sekolah kebangsaan dibuka untuk semua kaum dan diajar oleh guru pelbagai kaum, sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala sekolah menengah akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Walaubagaimanapun, usul yang dikemukakan oleh Barnes telah ditentang oleh kaum Cina kerana bangsa Cina gusar akan budaya dan bahasa mereka yang dikhawatir akan hilang kerana penggunaan bahasa Melayu yang dominan. Hasil penetapan dan perbincangan, wujud gabungan dalam pendidikan iaitu laporan Fenn-Wu 1951 bagi memastikan bahasa ibunda orang Cina dipelihara. Laporan Fenn-Wu mencadangkan agar sekolah Cina menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Malangnya, usul ini telah ditentang oleh UMNO kerana mereka beranggapan bahawa kaedah pelaksanaan tersebut tidak membawa kepada tujuan asal iaitu perpaduan antara etnik. Oleh itu, satu jawatankuasa telah dibangunkan bagi mengkaji cadangan Barnes dan Fenn-Wu bagi memastikan keseimbangan dan keadilan iaitu Jawatankuasa Penasihat Pusar. Cadangan yang dikemukakan telah diterima dan menjadi Ordinan Pelajaran 1952. Namun, Ordinan Pelajaran 1952 telah dikaji semula pada 30 September 1955 oleh Jawatankuasa Razak. Jawatankuasa Razak mencadangkan agar sistem pendidikan mesti bercorak Tanah Melayu. Namun, perkembangan budaya dan bahasa kaum lain masih dikekalkan. Ini kerana, Penyata Razak menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris menjadi bahasa wajib di sekolah.

Walaupun Laporan Razak dilihat berbentuk adil dan saksama, namun ia telah diberi tentang oleh orang Melayu dan akhirnya wujud Laporan Rahman Talib 1960. Tumpuan utama dalam laporan Rahman talib adalah berkenaan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dijadikan bahawa utama dalam semua aspek pendidikan dalam negara. Melalui cadangan Rahman Talib, ia telah membentuk Akta pelajaran 1961 yang mana ia telah menetapkan agar umur minimum anak-anak boleh berhenti sekolah adalah 15 tahun. Sehingga tahun 1996, Akta Pendidikan Kebangsaan telah digubal dan mengambil kira pandangan semua pihak. Akta ini juga telah mencadangkan syor agar bahasa suku kaum atau etnik boleh dipertimbangkan dalam pembelajaran jika ia munasabah dan realistik digunakan.

#### Jadual 1 : Pembentukan Etnik Pendidikan Nasional

1950	Penyata Barnes
1951	Laporan Fenn-Wu 1951
1956	Penyata Razak
1960	Laporan Rahman Talib

#### 4. Cabaran Pendidikan dalam Pelbagai Etnik Masa Kini

Pengaruh media massa dilihat banyak memberi kesan apabila wujudnya sikap yang mempercayai isu yang ditularkan. Tambahan pula, ramai pihak yang gemar membuat kenyataan palsu dan berbaur sentimen perkauman walaupun isu yang dipaparkan adalah isu pendidikan. Langkah yang sewajarnya perlu diambil agar sistem dan struktur pendidikan dalam negara tidak dipengaruhi oleh unsur negatif. Tambahan pula, pendidikan merupakan perkara yang sangat penting kerana ia melibatkan pelbagai lapisan generasi. Generasi seawal usia 5 tahun sudah memasuki alam persekolahan dan sehingga generasi yang melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Antara bentuk cabaran yang berlaku adalah wujudnya prasangka dalam kalangan pelajar. Prasangka adalah satu sikap permusuhan yang tidak rasional ditunjukkan oleh seseorang terhadap satu kelompok etnik. Dalam konsep pendidikan, fenomena ini berlaku jika seseorang mempunyai pengalaman negatif dengan individu lain yang berlainan etnik. Akibat masalah dan permusuhan yang mungkin berlaku di sekolah atau institusi pengajian tinggi sekaligus merencatkan emosi kepercayaannya terhadap etnik tersebut. Misalnya, jika ia berlaku sejak zaman sekolah rendah, ia mungkin mewujudkan rasa sangsi dan kepercayaan individu tersebut terhadap etnik yang dibenci termasuklah pensyarahan, guru atau rakan semasa di sekolah menengah dan universiti (Harris, 1990).

Selain itu, cabaran yang melibatkan diskriminasi antara etnik boleh mewujudkan persepsi dan fenomena pilih kasih antara kaum. Diskriminasi berlaku apabila tercetusnya sikap yang suka membuat perbandingan antara seseorang individu dengan individu lain (berlainan etnik) (Nusi, 2012). Diskriminasi juga boleh berlaku antara kelompok iaitu perbandingan antara kelompok etnik berdasarkan sikap negatif seseorang. Seiring dengan peredaran zaman teknologi, hasutan dan sikap pilih kasih boleh berlaku dengan cepat melalui media sosial. Diskriminasi yang berlaku di sekolah boleh menyebabkan seseorang individu melabelkan guru atau pensyarahan tidak berlaku adil khususnya jika ia melibatkan perbandingan antara individu dan kelompok berlainan etnik. Walhal, diskriminasi tersebut mungkin berlaku secara kebetulan sahaja. Namun, pemikiran negatif yang wujud menyebabkan ia menjadi sebuah masalah besar dalam kehidupan harian disekolah.

Streotaip juga merupakan cabaran yang wujud dalam aspek pendidikan. Streotaip merupakan satu bentuk kenyataan yang negatif khususnya apabila terdapat seseorang individu atau kelompok yang cenderung memberikan kenyataan umum terhadap sesuatu kumpulan etnik. Fenomena ini agak agresif kerana semasa gambaran diberikan, kecenderungan kenyataan yang diberikan adalah berlebih-lebihan sehingga menyebabkan sesuatu etnik dan kaum yang diperkata berasa disisihkan. Kenyataan yang diberikan juga banyak menggambarkan gambaran negatif dan kenyataan yang memupuk kebencian terhadap kaum yang digambarkan tersebut (Abdullah, 2010; James, 2001).

Satu lagi cabaran yang berlaku dalam konsep pendidikan antara etnik di Malaysia adalah masalah etnosentrisme. Masalah ini berlaku apabila wujudnya kepercayaan dan rasa bangga diri dalam kalangan anggota sesebuah etnik bahawa budaya dan etnik mereka lebih baik dan hebat berbanding dengan kelompok etnik yang lain. Kesan daripada sikap ini akan memboleh seseorang merasakan bahawa mereka perlu dihormati dan diikuti oleh etnik yang lain. Walaubagaimanapun, cabaran ini boleh diatasi dengan cara persaingan secara sihat dan sikap bertolak-ansur bahawa kebolehan manusia diukur berdasarkan potensi dan bukan etnik.

#### 5. Metodologi Kajian

Analisis faktor telah dilakukan melalui pembacaan dan sintesis perbandingan yang telah dikemukakan oleh pengkaji lepas. Jadual 2 dan Jadual 3 merupakan dua analisis faktor yang dikemukakan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan analisis dokumen mudah yang mana beberapa jurnal dan penulisan telah dibaca secara terperinci dan kemudian isi utama berkaitan ideologi, teori dan dapatan dijadikan sebagai bahan utama perbincangan kajian. Analisis perbandingan juga dilakukan dengan melihat kenyataan dan kekerapan isu yang dibangkitkan dan ia sekaligus dirungkaikan sebagai isu kritikal dalam analisis faktor kajian. Perbandingan kajian lepas telah dinyatakan dalam Jadual 2 dan Jadual 3. Rajah 1 dan Rajah 2 pula adalah bentuk hasil perbandingan yang dilakukan dalam melihat kritikal kekerapan sesuatu isu yang diperolehi dalam kajian ini.

#### 6. Segregasi ke Integrasi Pendidikan dalam Hubungan Etnik

Seperti yang dijelaskan dalam awal kajian, konsep pendidikan melentur buluh biarlah dri rebung telah dipraktikkan dalam konsep persekolahan bagi memupuk muafakat pelbagai etnik di Malaysia. Ini kerana, pihak kerajaan sentiasa membangunkan pembelajaran yang bersatu padu dalam kalangan pelbagai kaum dan etnik di Malaysia. Bahkan, sistem persekolahan juga masih mempertahankan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah. Walaupun pihak British berusaha mengamalkan konsep segresi dalam pendidikan

dan kehidupan harian, namun usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah berlanjutan dan konsisten dari masa ke semasa (Mohd Salleh, 2010; Nusi, 2012).


Antara konsep yang ditekankan oleh pihak kerajaan adalah membentuk badan beruniform dan kurikulum untuk semua kaum tanpa mengira bangsa dan agama. Selain itu, penglibatan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat telah merapatkan jurang antara kaum. Walaubagaimanapun, masih terdapat monopoli permainan sukan mengikut etnik dan bangsa. Misalnya, orang Melayu dikatakan banyak terlibat dengan permainan bola sepak berbanding dengan etnik Cina dikaitkan dengan sukan bola keranjang. Pembentukan etnik boleh dicapai di peringkat sekolah dengan mengetengahkan konsep serampang dua mata iaitu melalui aktiviti sukan. Ini kerana kesihatan dapat dikesalkan dan silaturrahim antara etnik dapat dicapai dengan baik. Ini dibuktikan dengan sejarah ahli sukan di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik iaitu V Gunalan, Zainal Abidin, Khalid Ali, James Wong dan sebagainya (Mohd Salleh, 2004; Abdullah 2010).

Sukan dan kurikulum bukan sahaja dilaksanakan di peringkat sekolah, bahkan ia berterusan sehingga di peringkat institusi pengajian tinggi sama ada awam dan swasta. Sukan bukan sahaja memupuk nilai murni dalam melahirkan insan yang cergas dan cerdas, tetapi ia merupakan platform yang boleh membentuk konsep jati diri dan kompromi antara komuniti dan masyarakat (Mohd Salleh, 2004). Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Adlina, Rosfazila dan Hairol (2018) menunjukkan persatuan dan sukan di sekolah banyak melibatkan kombinasi pelbagai etnik. Namun, penglibatan tersebut tidak meningkatkan kemahuan setiap etnik untuk mempelajari budaya dan etnik bangsa lain. Ini kerana masih wujud jurang yang mencetuskan konflik dan stereotaip dalam kalangan pelajar sekolah yang dikaji. Justeru interaksi sosial perlu dipupuk bagi mengelakkan berlakunya tragedi 13 Mei 1969 berlaku.

Jadual 2 menunjukkan analisis faktor yang dijalankan oleh beberapa pengkaji lepas dalam menilai tahap pembentukan segresi ke integrasi. Mohd Salleh (2010) menjelaskan bahawa usaha segresi perlu dijalankan secara konsisten bagi memastikan ia berkekalan dan dapat ditingkatkan jika dilaksanakan dalam jangka masa yang lebih panjang. Ini menunjukkan, pelaksanaan intergrasi perlu dipupuk dalam jangka masa yang panjang bagi memastikan hasil dan kualiti pendidikan berintegrasi lebih jelas. Nusi (2012) pula menggesa agar program berkaitan kesepadan dilaksanakan khususnya dalam konteks pendidikan. Aktiviti ini merangkumi program yang melibatkan pelbagai etnik dan bahasa yang mana ia akan mewujudkan kesefahaman dan titik pertemuan dalam kolaborasi pendidikan. Analisis kritikal yang dilakukan juga membuktikan, dominasi pandangan pengkaji lepas banyak menjurus ke arah aspek kesukanan dalam pembentukan integrasi pendidikan. Ini dijelaskan oleh Mohd Salleh (2004), Abdullah (2010) serta Adlina, Rosfazila dan Hairol (2018). Aktiviti kesukanan sememangnya telah dibuktikan dapat membuatkan jiwa kekitaan dan integrasi etnik kerana ia menjadikan masyarakat bersatu dan berdamai. Ini dibuktinya melalui paparan media massa dan media sosial apabila wujudnya sukan-sukan utama seperti Sukan Sea, Sukan Komanwel dan sebagainya sokongan masyarakat terhadap atlit adalah sama dan tiada perbandingan etnik dilakukan. Bagi menunjukkan perbandingan yang telah teliti, gambaran analisis faktor ini telah dilakarkan dalam Rajah 1 bagi menunjukkan antara fokus keutamaan dalam pembentukan segresi ke integrasi sektor pendidikan.

**Jadual 2 : Analisis Kritikal Pembentukan Segresi ke Integrasi**

Tahun	Aspek yang diketengahkan
Mohd Salleh (2010)	Usaha segregasi ke integrasi dilaksanakan kerajaan secara konsisten
Nusi (2012)	Kerajaan sentiasa menjalankan aktiviti pendidikan berbentuk kesepadan
Mohd Salleh (2004); Abdullah (2010)	Segresi pendidikan dilaksanakan melalui aktiviti kesukanan
Adlina, Rosfazila dan Hairol (2018)	Segregasi pendidikan di sekolah dilaksanakan melalui persatuan dan sukan



**Rajah 1 : Gambaran Analisis Pembentukan Segresi ke Integrasi dalam Konsep Pendidikan, Kesukanan dan Persatuan**

## 7. Peranan Interaksi Sebagai Medium antara Etnik dalam Pendidikan

Menurut Schaefer (2005), interaksi adalah penting dalam memupuk kesepadan dan perhubungan antara individu dan kelompok semasa berkomunikasi. Dalam membina interaksi positif yang berkorelasi secara sihat, banyak bentuk interaksi yang boleh dilakukan dalam kalangan pelajar dan warga pendidik. Interaksi merupakan kaedah komunikasi yang mana ia boleh berlaku dalam pelbagai arah dan bentuk. Antara bentuk komunikasi yang berlaku adalah komunikasi secara formal dan tidak formal. Komunikasi secara formal melibatkan komunikasi antara guru-guru dengan pelajar sama ada secara bertulis atau tidak. Komunikasi formal berlaku dalam keadaan yang teratur misalnya mesyuarat dan perhimpunan yang dilakukan di sekolah atau pun di universiti.

Rohana (2001) menjelaskan bahawa interaksi yang baik antara etnik berlaku seawal peringkat sekolah. Ini kerana guru banyak melibatkan peranan pelajar untuk melakukan aktiviti dalam kumpulan. Secara tidak langsung, ibu bapa dan keluarga pelajar juga terlibat menjayakan aktiviti anak-anak di sekolah. Penglibatan ibu bapa dan keluarga akan menghasilkan gabungan interaksi yang besar dan berkelompok. Ini akan membuktikan bahawa rakyat Malaysia sebenarnya bersatu padu sekiranya terdapat platform atau agen yang menjadi medium untuk mereka berinteraksi walaupun etnik mereka berbeza pandangan dan kepercayaan (Rohana, 2001; Ab. Rahim, 2000).


Menurut Marzudi (2016), interaksi dalam memupuk hubungan sosial antara etnik di Malaysia merupakan isu yang lapuk kerana ia telah dibincangkan sejak tahun 1947. Dalam konteks pendidikan, interaksi wujud sejak di bangku sekolah rendah, menengah, pra universiti sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Sektor pendidikan negara memerlukan kolaborasi dan interaksi yang optimis terhadap pembentukan daya capai matlamat secara konsisten dan berterusan. Perpaduan yang sihat dalam kalangan rakyat merupakan amalan yang menjadi harapan positif terhadap pendidikan yang gemilang. Pendidikan sekolah dan pengajian tinggi perlu memastikan setiap generasi yang dibentuk memainkan sikap bertolak ansur dan bertoleransi bagi memastikan minda anak muda dicakna dengan baik dan kreatif yang kritis.

Jadual 3 merupakan beberapa isu yang digariskan sebagai analisis faktor yang menjadi keutamaan dalam komunikasi bagi mengukuhkan hubungan etnik dalam pendidikan. Kepentingan komunikasi telah dijelaskan sebagai penghubung antara dua pihak (pendengar dan penyampai). Schaefer (2005) menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami oleh kedua-dua bagi. Kefahaman komunikasi antara kedua-dua pihak bukan sahaja membina hubungan, bahkan ia akan mengelakkan konflik dan salah faham. Justeru, faktor yang dianalisis juga menegaskan aspek pelaksanaan komunikasi. Rohana (2001) menegaskan agar komunikasi perlu dipupuk seawal di alam persekolahan rendah. Ini kerana, persepsi kanak-kanak adalah penerapan awal yang boleh mengawal gaya pemikiran mereka sehingga dewasa. Malahan, Ab. Rahim (2000) dan Marzudi (2016) mencadangkan agar komunikasi perlu melibatkan ibu bapa dan harus dikekalkan sehingga ke peringkat pengajian tinggi khususnya di universiti yang mempunyai ramai pelajar pelbagai etnik. Dalam membentuk analisis faktor spesifik, pengkaji telah melakarkan beberapa sub faktor terlibat bagi menjelaskan pengaruh komunikasi yang bertindak sebagai medium pengukuhan etnik dalam pendidikan. Komunikasi secara dua hala merupakan faktor

yang utama kerana ia akan membina hubungan dan mengelakkan konflik serta persepsi negatif. Komunikasi keluarga dan persekitaran merupakan faktor kedua. Keluarga dan persekitaran merupakan kelompok yang banyak mempengaruhi pemikiran kita terhadap etnik lain. Komunikasi andragogi pula melibatkan golongan dewasa dilihat menjadi faktor ketiga kerana lazimnya persepsi golongan dewasa lebih sukar diubah kerana ia banyak melibatkan pemikiran *status quo* atau *sylo mentality*. Faktor komunikasi pedagogi dilihat menjadi faktor terendah yang menjadikan komunikasi sebagai medium dalam pendidikan kerana pedagogi melibatkan komunikasi sehalia. Konsep komunikasi pedagogi banyak melibatkan satu pihak sahaja iaitu penyampai maklumat. Lazimnya, pihak pendengar tidak memberikan maklum balas. Komunikasi pedagogi merupakan komunikasi yang banyak melibatkan golongan kanak-kanak atau pelajar bukan dewasa.

**Jadual 3 : Komunikasi sebagai Medium Pengukuhan Etnik dalam Pendidikan**

Tahun	Aspek yang diketengahkan
Schaefer (2005)	Komunikasi membentuk hubungan antara dua pihak
Rohana (2001)	Interaksi perlu dipupuk seawal di alam persekolahan rendah
Ab. Rahim (2000)	Gabungan interaksi kelompok khususnya ibu bapa
Marzudi (2016)	Interaksi digalakkan di peringkat pengajian tinggi melalui aktiviti



**Rajah 2 : Gambaran Analisis Peranan Komunikasi dalam Membentuk Integrasi Pendidikan**

## 8. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam premis-premis kajian lepas, ini menunjukkan bahawa masih kurang kajian yang menekankan aspek perpaduan etnik dalam konteks pendidikan. Kepentingan terhadap nasional masih kurang dipertimbangkan dan dijadikan sebagai integrasi nasional dalam pendidikan negara. Faktor ini mungkin disebabkan oleh sosialisasi politik yang berlaku secara semulajadi sehingga membina persepsi dan prejudis dalam kalangan etnik. Ketidakseimbangan ini boleh mengganggu sistem pendidikan dalam negara. Oleh itu, dasar pendidikan dalam negara perlulah bersifat holistik ke arah pembinaan insan yang unggul dan berkualiti tinggi. Pemerkasaan dalam hubungan antara etnik harus diperkuuhkan agar sistem pembelajaran dalam negara sentiasa relevan dan boleh digunakan secara empirikal. Kekangan dan cabaran dalam pendidikan yang disebabkan oleh masalah etnik haruslah dielakkan dan dikaji dengan terancang dan sistematik agar ia selari dengan peribahasa “Umpama manarik rambut di dalam tepung, tepung tidak berterburu dan rambut tidak putus”. Jika gagasan dan kenyataan ini diaplikasikan ke dalam konteks kehidupan pelbagai etnik melalui konsep pendidikan, maka ia boleh membangunkan generasi yang bersatu padu dan bertolak ansur. Generasi perlu dibentuk bagi memperkasakan silaturahim antara etnik. Bahkan peribahasa ada mengatakan ‘Belakang parang diasah, lagikan tajam’. Muafakat dan hubungan antara kaum harus dijaga agar imej bersatu padu dalam kalangan rakyat Malaysia dikekalkan dan boleh menjadi kebanggaan negara khususnya ketika dilihat dengan mata kasar pelancong negara asing. Identiti ini harus dikekalkan dengan baik umpama menyimpan emas di dalam peti.

Benarlah kata pujangga peribahasa ‘Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Oleh itu, semailah kesepaduan melalui tolak ansur dan kasih sayang dalam membina rakyat berpendidikan dalam teras kesepaduan.

### **Penghargaan**

Kajian ini merupakan kajian konseptual yang mana suntikan maklumat pengkaji lepas sangat membantu pengkaji untuk membangunkan kajian ini. Terima kasih juga atas sumbangan penulis bersama dalam memberikan sumbangan idea dan sokongan motivasi sepanjang kajian ini dijalankan.

### **Rujukan**

- Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. Jurnal Hadhari, 2(1), 61-84.
- Adlina Abdul Khalil, Rosfazila Abd Rahman dan Hairol Anuar Mak Din (2018). Kajian Kes Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik ke Arah Pengukuhan Integrasi Nasional. E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 pada 23-24 April 2018 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Harris Jadi (1990). Etnik, Politik dan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James Chin. (2001) Malaysian Chinese Politics in the 21st Century: Fear, Service and Marginalisation. Asian Journal of Political Science, 9(2): 78-94.
- Malaysia Today. (2005). <http://www.malaysia-today.net/blog/2005/09/mengapamereka-memilih-sekolah-cina.htm>.
- Marzudi Md Yunus (2016, September 15). Interaksi Positif Etnik Membina Malaysia, Utusan Online.
- Mohd Salleh Aman. (2004). Sukan dalam Masyarakat Malaysia. Johor Bharu: Penerbitan Pelangi Arkib Sukan, Majlis Sukan Negara Malaysia. Diakses di Laman Wikipedia Sukan, Ensiklopedia Bebas.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. Jurnal Hadhari, 3: 61-84.
- Nusi, K. (2012). Integrasi dan Perpaduan Kaum Melalui Dasar Pendidikan. Diakses di Laman <http://kasturinusi.blogspot.my>
- Rohana Yusof. (2001). Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schaefer R.T. (2005). Sociology. 9th (ed.). New York: McGraw Hill Higher Education.